PETA KONSEP

TINGKATAN 5

Kedaulatan Negara

Konsep Kedaulatan

Takrif kedaulatan

Bahasa Yunani
Supernuus atau *superanus* yang bermaksud agung atau tertinggi.

Bahasa Inggeris
Sovereignty yang bermaksud negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan.

Bahasa Arab
Daulah bermaksud kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan.

Bahasa Melayu
Daulat yang bermaksud kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan.

Jenis kedaulatan

Kedaulatan tradisional
Sistem pemerintahan berkuasa mutlak yang menguasai urusan negara.

Kedaulatan moden
Idea kemunculan negara bangsa selepas Revolusi Keagungan di England dan Revolusi Perancis. Juga dikaitkan dengan hak rakyat dan kerajaan berperlembagaan.

Kedaulatan undang-undang
Kerajaan dan rakyat terikat oleh undang-undang yang perlu dipatuhi.

Kedaulatan antarabangsa
Pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap sesebuah negara yang tidak boleh dicabuli oleh negara lain.

Ciri Negara yang Berdaulat

Mempunyai pemerintahan
Malaysia mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

Mempunyai sempadan
Malaysia berkongsi sempadan darat, air dan udara dengan negara jiran, iaitu Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei dan Filipina.

Mempunyai perundangan
Asas sistem perundangan Malaysia berpandukan Perlembagaan Persekutuan.

Mempunyai rakyat
Rakyat negara ini terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan adat resam.

Kepentingan Mewujudkan Negara Berdaulat

- Keberkesanan pentadbiran
- Kemakmuran ekonomi
- Kesejahteraan sosial
- Kecemerlangan hubungan luar negara

Langkah Mempertahankan Kedaulatan

- Mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi.
- Mengekalkan perpaduan kaum.
- Memupuk patriotisme.
- Mengukuhkan pertahanan negara.